


Ucaptama Tahunan Naib Canselor 2009




Seperti mana tahun-tahun sebelum ini, pada awal setiap tahun UniMAP akan menganjurkan Majlis Ucaptama Tahunan Naib Canselor. Bagi tahun 2009 majlis ucaptama ini telah diadakan pada 22 Februari bertempat di Dewan Kapitol UniMAP. Majlis ini bertujuan bagi Naib Canselor selaku CEO universiti ini menyampaikan amanat, misi dan harapan beliau kepada warga UniMAP dalam mengharungi tahun 2009. Ia telah dihadiri oleh semua kakitangan UniMAP serta wakil daripada Majlis Perwakilan Pelajar, Ketua-ketua IPT di Perlis dan juga wakil-wakil media.

Dalam ucaptamanya pada tahun ini, Y.Bhg. Brig. Jeneral Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Naib Canselor, melahirkan harapan agar UniMAP berazam untuk melahirkan lebih ramai saintis dan penerima hadiah nobel dalam pelbagai bidang kejuruteraan dengan menjadikan Institut Teknologi California (Caltech), Amerika Syarikat (US) sebagai model dalam memajukan universiti itu ke peringkat lebih tinggi. Beliau juga mahu UniMAP mencontohi pencapaian Caltech yang berjaya menghasilkan lebih 30 penerima hadiah nobel sehingga tahun 2006 dalam UniMAP ke satu peringkat yang lebih cemerlang.



Katanya, sebagai sebuah institut yang kecil di US, Caltech berjaya membuktikan saiz bukan ukuran untuk melahirkan ramai cendiakawan dan ahli akademik terkemuka dalam bidang sains dan teknologi. "Kita akan mengambil contoh kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh Caltech dalam usaha kita mewujudkan lebih ramai ahli sains yang boleh mencapai kejayaan sehingga mampu meraih hadiah nobel. Saya percaya perkara ini bukan mustahil dengan perancangan dan strategi yang terbaik yang dirangka semua ini akan menjadi kenyataan," katanya lagi dalam majlis tersebut.





**"Walaupun UniMAP baru berusia 7 tahun penubuhnannya,
namun universiti ini dilihat berada pada landasan yang betul
apabila 'benih-benih' kejayaannya telah kelihatan"**

Bagi mencapai sasaran tersebut, UniMAP akan merancang untuk mengambil dan menyerap lebih ramai pakar dan professor serta pensyarah berkelayakan dan mempunyai budaya kerja yang cemerlang untuk menjadi kakitangannya bagi menjalankan pelbagai penyelidikan yang berguna kepada masyarakat. Bantuan sepenuhnya juga akan diberikan kepada mereka bagi mewujudkan golongan saintis yang hebat. Walaupun UniMAP baru berusia 7 tahun penubuhnannya, namun universiti ini dilihat berada pada landasan yang betul apabila 'benih-benih' kejayaannya telah kelihatan. Pelbagai kajian dan penyelidikan oleh UniMAP kini mendapat pengiktirafan dan pigat di luar dan dalam Negara. Banyak pihak juga telah menunjukkan minat untuk menjalinkan kerjasama dengan UniMAP dalam menjalankan penyelidikan melalui teknologi tekini.



Pada majlis ini juga turut diadakan pelancaran penggunaan pengimbas k-kedatangan untuk kakitangan dan pelajar UniMAP dengan menggunakan ibu jari bagi mengantikan penggunaan kad kehadiran yang digunakan sebelum ini. Y.Bhg Naib Canselor juga pada masa yang sama melancarkan Sistem Repotori Digital Perpustakaan yang menggunakan perisian DSpace bagi memudahkan pelajar dan kakitangan membuat rujukan berkaitan penyelidikan yang boleh diakses menggunakan komputer.

